

SOALAN NO.: 97

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING
KAWASAN : SERDANG
TARIKH : 25 JULAI 2017, SELASA

SOALAN:

YB. DR. ONG KIAN MING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek menaiktaraf Jalan Besar, Seri Kembangan menuju ke Lebuhraya BESRAYA di bawah Rolling Plan RMKe-11 dan bila dana untuk projek ini akan diluluskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sememangnya peka dan prihatin terhadap keselesaan pengguna jalan raya serta mengambil maklum mengenai isu kesesakan di kawasan Seri Kembangan. Kesesakan di kawasan Seri Kembangan berlaku berikutan pertambahan jumlah aliran trafik seiring dengan pembangunan yang semakin pesat di kawasan Seri Kembangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah memohon untuk Menaiktaraf Jalan Putra Permai dari Lebuhraya Sg. Besi (BESRAYA) sehingga Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri semasa Rolling Plan Ke-1, RMKe-11 dengan anggaran kos sebanyak RM 400 juta. Walaubagaimanapun, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat.

Sehubungan itu, mengambil berat tentang isu ini, Kementerian telah membuat permohonan sekali lagi bagi projek Menaiktaraf FT3215 Jalan Putra Permai, Daerah Petaling, Selangor dalam Rolling Plan Ke-3, RMKe-11 pada bulan Mac 2017 dengan anggaran kos bagi kerja awalan sebanyak RM6 juta. Walaubagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.